



## **SIARAN MEDIA**

### **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

#### **“CABUTAN WOW! 20 TAHUN PTPTN DAN INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN GALAK MASYARAKAT MENABUNG”**

##### **(TABUNG PENDIDIKAN)**

1. Fungsi PTPTN bukanlah hanya memberikan pinjaman semata-mata tetapi juga sebagai institusi penabungan pendidikan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional iaitu SSPN-i dan SSPN-i Plus. Usaha proaktif PTPTN dalam mentransformasikan minda masyarakat Malaysia untuk membuat penabungan pendidikan merupakan suatu tindakan yang amat baik dan murni dan perlu disambut oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia.
2. Dalam konteks ini, PTPTN tidak seharusnya dilihat sebagai pemberi pinjam dan pengutip hutang semata-mata tetapi sebaliknya dilihat sebagai **TABUNG PENDIDIKAN** untuk rakyat Malaysia, sebagaimana Lembaga Tabung Haji dilihat untuk mengerjakan haji dan KWSP dilihat untuk simpanan apabila telah bersara. Maka, **sekiranya ingin melihat anak-anak berjaya mendapat pendidikan tinggi, ada PTPTN - TABUNG PENDIDIKAN Anda.**
3. **Menabung sekarang untuk pendidikan masa akan datang** adalah merupakan satu **tindakan yang amat bijak** berbanding hanya bergantung sepenuhnya kepada pinjaman. Dengan **penabungan sedari awal, graduan pada masa hadapan juga akan hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum.**

##### **(SSPN-i/ SSPN-i PLUS PELAN SIMPANAN TERBAIK)**

4. Kewujudan Skim Simpanan Pendidikan Nasional sememangnya merupakan suatu anugerah kepada rakyat Malaysia kerana instrumen ini merupakan pelan simpanan terbaik yang disediakan untuk rakyat yang bergelar warganegara Malaysia.

5. Rakyat beragama Islam juga tidak perlu kkuatir kerana skim simpanan pendidikan daripada PTPTN ini adalah produk yang sentiasa **berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah**, selain simpanannya yang **dijamin oleh Kerajaan**.
6. Dengan menabung bagi tujuan simpanan pendidikan, masa depan anak-anak akan terjamin kerana memperoleh **perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif**.
7. Kadar **dividen yang diberikan adalah amat kompetitif** berbanding yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Sehingga kini, **kadar dividen yang diberikan pernah mencecah sehingga 4.25%**.
8. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun**. Pelepasan taksiran cukai yang diberikan ini membuktikan bahawa ternyata skim simpanan ini amat istimewa. **Kesemua manfaat ini, jika dikira memberi pulangan sehingga 28% kepada pendeposit**.
9. **Rakyat Malaysia tidak seharusnya melepaskan peluang yang diberikan begitu sahaja dalam membuat simpanan untuk masa depan pendidikan anak-anak**. Apa yang penting adalah amalan penabungan yang berterusan atau istiqamah kerana sedikit demi sedikit, lama-lama jadi bukit.
10. Untuk makluman, **sehingga 30 Jun 2017**, terdapat sebanyak hampir **2.87 juta akaun** dibuka dengan **jumlah deposit simpanan sebanyak lebih RM2.78 bilion**.

**(INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN PERCUMA RM50)**

11. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia** yang kita sayangi, semasa pembentangan **Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016** yang lalu **telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan**.
12. Ini bermakna **bermula 1 Januari 2017** mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan iaitu **simpanan percuma bernilai RM50**. Untuk itu, **peruntukan sebanyak RM25juta telah disediakan** untuk diberikan secara percuma kepada mereka yang layak.

13. Sehingga 30 Jun 2017, kira-kira 3.7% daripada pelajar Tahun 1 telah menerima simpanan percuma ini. Kepada semua ibu bapa **SEGERALAH** memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional sebagai penabungan untuk anak-anak dan mengambil **PELUANG KEEMASAN** untuk mendapatkan simpanan percuma ini. **SSPN#Percuma50**.

**(Cabutan Wow! 20 Tahun PTPTN)**

14. **PTPTN** melancarkan **Cabutan Wow! 20 Tahun PTPTN** kepada semua pendeposit **SSPN-i** dan **SSPN-i Plus** yang membuat pembukaan atau penambahan akaun. Lebih 2,500 hadiah bernilai RM500,000 telah disediakan untuk para pendeposit.
15. **Cabutan Wow! 20 Tahun PTPTN** ini merangkumi **Cabutan Bulanan** dan **Cabutan Istimewa** yang diadakan **sempena ulangtahun ke-20 penubuhan PTPTN** iaitu bermula pada tahun **1997 hingga 2017**. Ia juga sebagai **tanda penghargaan dan dorongan serta galakan kepada masyarakat Malaysia yang menyimpan dengan PTPTN yang merupakan Tabung Pendidikan utama negara**.
16. Dengan hadiah yang cukup menarik disediakan oleh PTPTN sebagai tambahan kepada keistimewaan-keistimewaan lain yang telah diberikan, **semua lapisan masyarakat perlu merebut peluang dengan membuka akaun atau menambah simpanan di dalam SSPN-i dan SSPN-i Plus**.
17. **Tahniah kepada pendeposit yang bertuah dan berjaya memenangi hadiah bagi Cabutan Wow! SSPN-i Plus Suku Tahun Ketiga dan Tahunan untuk tahun 2016/2017**. Usaha dan kesedaran penabungan sebeginilah yang ingin PTPTN terapkan kepada masyarakat Malaysia yang lain.

**(Anugerah Ejen Online Terbaik)**

18. Selaras dengan dunia *cyber* tanpa sempadan, PTPTN secara agresif memperkenalkan program pemasaran bagi produk simpanan SSPN-i Plus melalui ejen *online*. Kalau dahulu ingin membuka akaun, pelanggan perlu melengkapkan borang di kaunter-kaunter PTPTN. Kini, dengan adanya Ejen *Online*, rakyat Malaysia mampu membuka akaun dan membuat transaksi dengan lebih mudah,

hanya di hujung jari secara *online*. Sehingga kini seramai **5,462 orang** telah pun berdaftar sebagai Ejen *online* PTPTN.

19. Tahun lepas PTPTN telah melancarkan **Anugerah Ejen *Online* PTPTN Terbaik**. Dengan hanya mencapai pembukaan akaun baharu SSPN-i Plus dalam jumlah yang ditetapkan, ejen *online* PTPTN berpeluang memenangi hadiah lumayan berupa **pakej percutian ke luar negara dan wang tunai**. Pada hari ini **Ejen *Online* PTPTN juga diraikan dan tahniah** kepada Ejen-Ejen *Online* PTPTN yang berjaya ke **Umrah, Korea dan Phuket**.
20. Penyertaan sebagai Ejen *Online* PTPTN masih lagi dibuka. Selain boleh mendapat **pendapatan yang tidak terbatas, pendaftarannya adalah mudah dan tidak memerlukan sebarang modal permulaan**. Kepada mereka yang masih mencari peluang untuk menjana pendapatan, sertailah PTPTN sebagai Ejen *Online* sekarang.

#### **(Sabahat Niaga)**

21. Untuk meningkatkan lagi keberkesanan hebahan dan kesedaran penabungan SSPN-i Plus secara lebih meluas, terkini PTPTN telah melaksanakan **program Sahabat Niaga**. Agensi dan Persatuan boleh berkolaborasi dan menyertai program Sahabat Niaga ini. Warga agensi atau ahli persatuan akan mempromosikan produk simpanan SSPN-i Plus dan **agensi serta persatuan akan memperoleh 5% komisen** daripada jumlah pembukaan akaun SSPN-i Plus yang dipromosikan oleh mereka.
22. **Tiga organisasi pertama yang menyertai program Sahabat Niaga PTPTN ini adalah TEKUN, iSynergy dan Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM)**. **Agensi dan persatuan yang lain di Malaysia amat digalakkan dan dialu-alukan untuk bekerjasama dengan PTPTN melalui program Sahabat Niaga ini.**

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**13 Julai 2017**